

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 4 March 2016    |



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra dengan sebahagian pelajar Malaysia yang berada di Arab Saudi dalam majlis pertemuan bersama warga negara Malaysia termasuk pelajar di Riyadh kelmarin sempena lawatan kerja beliau ke negara tersebut. - BERNAMA

## Rakyat di luar negara diminta bantu tingkat imej Malaysia

UM - 4/3/2016

**RIYADH 3 Mac** - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara membantu dalam usaha membentuk persepsi positif mengenai negara kepada masyarakat antarabangsa.

Berucap di hadapan kira-kira 200 orang pada majlis makan malam bersama komuniti Malaysia di bandar ini di sini malam tadi, Perdana Menteri berkata, beliau menganggap mereka sebagai wakil negara yang boleh memainkan peranan tersebut.

Langkah itu katanya, selaras dengan usaha kerajaan yang sedang meningkatkan pelbagai usaha bagi mencari peluang ekonomi di peringkat global.

"Mereka boleh memberitahu tentang Malaysia, membentuk persepsi mengenai negara dan mengetengah-

kan profil Malaysia," ujarnya.

Yang hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Majlis tersebut merupakan acara terakhir Perdana Menteri sempena lawatan kerja tiga hari beliau ke negara ini.

Najib memberitahu, langkah meningkatkan usaha mencari peluang ekonomi di luar negara merupakan antara yang sedang dilakukan oleh kerajaan ekoran daripada situasi ekonomi mencabar ketika ini.

"Tetapi keadaan itu bukan unik bagi negara kerana dunia juga berhadapan dengan ekonomi yang men-

guncup berbanding tahun-tahun sebelum ini.

"Kita juga menghadapi masalah harga minyak yang jatuh teruk dan memberi kesan kepada kita serta pertumbuhan ekonomi China yang perlahan," katanya.

Perdana Menteri memberitahu, kejatuhan harga minyak sebanyak AS\$1 sahaja akan menyebabkan negara kehilangan hasil sebanyak RM450 juta manakala pengurangan ekonomi China, rakan dagang terbesar negara sebanyak satu peratus bakal memberi kesan empat peratus terhadap ekonomi negara.

Sehubungan itu katanya, Malaysia perlu memperkukuhkan hubungan dengan negara luar seperti Arab Saudi yang begitu kagum dengan pencapaian negara bagi mencari peluang ekonomi baharu. - UTUSAN